

Enam serbuan Op Dadu di tiga daerah

Alor Setar: Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah melakukan enam serbuan serta tangkapan menerusi Op Dadu di tiga daerah membatinkan penjualan judi secara dalam talian dan loteri awam tanpa lesen pada Sabtu dan kelmarin.

Serbuan dilakukan di Alor Setar, Sik dan Kulim itu berdasarkan maklumat dan pemantauan yang dilakukan.

Timbalan Ketua Polis Kedah Datuk Mohd Roze Shaari berkata, dalam serbuan pertama di Kulim, sepasukan pegawai dan anggotanya menyerbu premis tambah nilai judi dalam talian di Kampung Tebuan, Karangan pada 6 petang, Sabtu lalu.

Beliau berkata, seorang lelaki berusia 29 berasal dari Terengganu dan memiliki sembilan rekod jenayah ditahan.

“Selain itu, dua lagi lokasi serbuan adalah di sebuah kontena di tepi jalan Kampung Tebuan dan sebuah premis Taman Selasih, Kulim yang disyaki menjalankan aktiviti sama.

“Dua lelaki ditahan masing-masing berusia 23 dan 45 di dua lokasi dan tangkapan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim dan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 4(1) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953,” katanya.

Mohd Roze berkata, dalam serbuan di Lunas, Kulim pihaknya menahan seorang lelaki berusia 24 iaitu pembantu kedai yang mempunyai lima rekod jenayah berkaitan aktiviti perjudian.

Sementara itu, dalam serbuan kelima di tepi jalan Pekan Sik pada 3.29 petang kelmarin, pegawai dan anggotanya menahan lelaki tempatan berusia 34 kerana disyaki menjalankan aktiviti sama dan dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 4A(a) ARTJ 1953.

“Dalam serbuan di Alor Mengkudu, di Alor Setar semalam (kelmarin) pula, polis menahan seorang wanita berusia 45 tahun kerana menjalankan aktiviti menjual tambah nilai judi dalam talian,” katanya.



WANITA yang disyaki menjalankan aktiviti menjual tambah nilai judi dalam talian ditahan di Alor Mengkudu.